

Sesi ke lima-puluh sembilan
Jawatankuasa Ketiga
Agenda 98
Meninggikan Keudukan Wanita

Australia, Austria, Azerbaijan, Negeri Belanda, Belgium, Brazil, Colombia, Croatia, Cyprus, Republik Czech, Denmark, El Salvador, Estonia, Finland, Greece, Hungary, Ireland, Israel, Itali, Jepun, Negeri Jerman, Kanada, Latvia, Luxembourg, Macedonia, Nigeria, Norway, Poland, Portugal, Romania, Negeri Sepanyol, Slovakia, Slovenia, Sweden, Switzerland, Negeri Turki, bekas anggota Republik Yugoslav, Uganda, United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara, Republik Bersatu Tanzania, Uruguay dan Vanuatu: deraf resolusi

Bekerja terhadap penghapusan jenayah-jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dilakukan atas nama kehormatan

Persidangan Agung,

Menegaskan sekali lagi tanggungjawab semua Negara untuk memajukan dan melindungi hak-hak asasi manusia dan emajuan asas, termasuklah hak untuk hidup, kebebasan keselamatan peribadi, seperti yang disebutkan di dalam Perisytiharan Hak Asasi Manusia,¹ dan mengeskan juga sekali lagi tanggungjawab Negara-Negara di bawah instrumen hak asasi manusia, khususnya Perjanjian Antarabangsa Untuk Hak-Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan,² Hak Sibil dan Politik, Perjanjian Antarabangsa Tentang Hak-Hak Sibil dan Politik,² Perjanjian Untuk Menghapuskan Semua Jenis Diskriminasi terhadap Wanita³ dan Perjanjian untuk Hak Kanak-Kanak,⁴

Menegaskan juga sekali lagi Perisytiharan Vienna dan Rancangan Tindakan-Tindakan⁵ dan Perisytiharan tentang Penghapusan Keganasan terhadap Wanita,⁶ dan juga matlamat-matlamat dan komitmen-komitmen yang terkandung di dalam Perisytiharan Beijing dan Pelantar Untuk Tindakan yang diterima di Persidangan Dunia Tentang Wanita,⁷ Ke-Empat, dan dokumen hasil sesi khas Persidangan Agung yang dinamakan "Wanita 2000:

¹ Resolution 217 A (III).

² See resolution 2200 A (XXI), annex.

³ Resolution 34/180, annex.

⁴ Resolution 44/25, annex.

⁵ A/CONF.157/24 (Part I), chap. III.

⁶ See resolution 48/104.

⁷ *Report of the Fourth World Conference on Women, Beijing, 4-15 September 1995* (United Nations publication, Sales No. E.96.IV.13), chap. I, resolution 1, annexes I and II.

persamaan jenis, perkembangan dan kedamaian untuk abad ke dua-puluh satu”,⁸

Mengingat balik resolusi-resolusi 57/179nya pada 18 Disember 2002 dan 58/147 pada 22 Disember 2003 dan juga resolusi 2004/46 pada 20 April 2004,⁹ yang di luluskan oleh Suruhanjaya Hak Asasi manusia.

Mengingat Balik juga resolusi 58/185nya pada 22 Disember 2003, di mana ia telah menyeru supaya satu kajian mendalam tentang keganasan terhadap perempuan dilakukan, termasuklah jenayah-jenayah yang dilakukan di atas nama kehormatan, dan juga resolusi 57/190nya pada 18 Disember 2002, di mana ia telah menyeru supaya dilakukan satu kajian mendalam tentang keganasan terhadap kanak-kanak,

Mengingati bahawa Negara-negara mempunyai tanggung-jawab untuk melakukan sebolehnya untuk mengelak, menyasat dan menghukum mereka yang menyebabkan berlakunya jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan di atas nama kehormatan dan untuk memberi perlindungan kepada mangsa-mangsanya, dan bahawa tidak melakukannya melanggar dan merosakkan hak asasi dan kebebasan-kebebasan asas mereka,

Menegaskan keperluan untuk melihat semua bentuk keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan, termasuklah jenayah-jenayah yang dilakukan di atas nama kehormatan, sebagai kesalahan jenayah, yang boleh dihukum di bawah undang-undang,

Menegaskan juga keperluan untuk mengenali dan menangani dengan berkesannya akar-umbi keganasan terhadap wanita, khususnya jenayah-jenayah yang dilakukan di atas nama kehormatan, yang berbagai rupanya,

Menyedari bahawa data yang tidak mencukupi tentang keganasan terhadap wanita, termasuklah jenayah-jenayah yang dilakukan di atas nama kehormatan, menyekat penganalisaan dasar dengan berpengetahuan, di peringkat dalam negeri dan antarabangsa, dan usaha-usaha untuk menghapuskan keganasan seperti itu,

Amatlah bimbang kerana wanita dan kanak-kanak perempuan terus menjadi mangsa jenayah-jenayah ini, seperti yang disebutkan di dalam seksyen-seksyen yang berkenaan laporan Jawatankuasa Tentang Hak Asasi Manusia, Jawatankuasa tentang Penghapusan Diskriminasi terhadap Wanita, Jawatankuasa tentang Hak Kanak-Kanak dan Jawatankuasa tentang Hak-Hak Ekonomi, Sosial dan Kebudayaan dan mengambil perhatian bersabit dengan ini,

⁸ Resolution S-23/3, annex.

⁹ See *Official Records of the Economic and Social Council, 2004, Supplement No. 3 (E/2004/23)*, chap. II, sect. A.

lapuran-laporan yang berterusan daripada Rapporteur Khas Suruhanjaya Hak Asasi Manusia tentang keganasan terhadap wanita, sebab-sebab dan kesan-kesannya,¹⁰

Menegaskan bahawa jenayah-jenayah itu tidak serasi dengan semua nilai-nilai ugama dan kebudayaan,

Menegaskan juga bahawa penghapusan jenayah-jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dilakukan di atas nama kehormatan memerlukan usaha dan komitmen yang lebih kuat dari pihak Kerajaan-Kerajaan dan masyarakat antarabangsa, di antaranya, menerusi usaha-usaha kerjasama antarabangsa, dan masyarakat madani, termasuklah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, dan juga perubahan-perubahan asas khas yang diperlukan dari segi sikap sosial,

Menggariskan betapa pentingnya diberi penguasaan lebih kepada kaum wanita dan penyertaan mereka yang berkesan di dalam proses pembuatan keputusan dan dasar sebagai satu daripada alat-alat terpenting untuk mengelakkan dan menghapuskan jenayah-jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dilakukan di atas nama kehormatan,

1. *Mengalukan*:

(a) Laporan Setiausaha Agung tentang penghapusan keganasan terhadap wanita;¹¹

(b) Kegiatan-kegiatan dan daya-utama Negara-Negara yang bertujuan untuk menghapuskan jenayah-jenayah terhadap wanita yang dilakukan di atas nama kehormatan, termasuklah penerimaan pindaan-pindaan kepada undang-undang negara berkaitan dengan jenayah-jenayah tersebut, pelaksanaan dengan berkesannya undang-undang tersebut dan langkah-langkah pendidikan, sosial dan lain-lainnya, termasuklah kempen-kempen di seluruh negara untuk memaklumkan dan menyedarkan, dan juga kegiatan-kegiatan dan dayautama-dayautama Negara yang bertujuan untuk menghapuskan semua bentuk keganasan terhadap wanita;

(c) Usaha-usaha, seperti projek-projek, yang dilakukan oleh badan-badan, dana-dana, dan rancangan-rancangan Bangsa-Bangsa Bersatu, termasuklah Dana Penduduk Bangsa-Bangsa Bersatu, Dana Kanak-Kanak Bangsa-Bangsa Bersatu dan Dana Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Wanita untuk menangani isu-isu jenayah terhadap wanita yang dilakukan di atas nama kehormatan, dan untuk menggalakkan mereka untuk menyelaraskan usaha-usaha mereka;

(d) Kerja yang dilakukan oleh masyarakat madani, termasuklah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, seperti pertubuhan-pertubuhan wanita, gerakan-gerakan di peringkat bawah dan orang-orang perseorangan, untuk meningkatkan kesedaran tentang jenayah-jenayah sebegitu dan kesan-kesan buruknya;

¹⁰ E/CN.4/2002/83, paras. 21-37.

¹¹ A/59/281.

2. *Menyuarakan kebimbangannya* bahawa wanita terus menjadi mangsa jenayah-jenayah yang dilakukan di atas nama kehormatan, dan tentang berlakunya keganasan-keganasan begitu di semua bahagian dunia, dengan berbagai bentuk, dan tentang ketiadaannya tindakan-tindakan undang-undang terhadap pelaku-pelakunya;

3. *Menyeru kepada* semua Negara:

(a) Supaya memenuhi semua tanggung-jawab mereka di bawah instrumen-instrumen antarabangsa hak asasi manusia yang berkenaan dan supaya melaksanakan Perisytiharan dan Pelantar Untuk Tindakan Beijing⁷ dan dokumen hasil daripada sesi khas Perhimpunan Agung;⁸

(b) Supaya meneruskan dan menguatkan usaha-usaha untuk mengelakkan dan menghapuskan jenayah-jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dilakukan di atas nama kehormatan, yang berbagai rupa, dengan mengguna langkah-langkah undang-undang, penggubalan, pentadbiran dan perancangan;

(c) Supaya menyiasat dengan segera dan terperinci, mendakwa dengan berkesan dan mendokumenkan kes-kes jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dilakukan di atas nama kehormatan dan menghukum orang-orang yang melakukannya;

(d) Supaya menguatkan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang keperluan untuk mengelak dan menghapuskan jenayah-jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dilakukan dan dibenarkan di atas nama kehormatan, dengan tujuan untuk mengubah sikap dan kelakuan yang membolehkan berlakunya jenayah-jenayah tersebut, termasuklah langkah-langkah oleh pemimpin-pemimpin masyarakat;

(e) Supaya menguatkan lagi usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran tentang tanggung-jawab kaum lelaki untuk memajukan persamaan jenis dan membawa perubahan sikap untuk menghapuskan sika-sikap yang ada tentang jenis, termasuklah, khususnya, peranan mereka untuk mengelakkan jenayah-jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan di atas nama kehormatan;

(f) Supaya menggalakkan usaha-usaha pihak sebaran am untuk terlibat di dalam kempen-kempen untuk meningkatkan penyedaran;

(g) Supaya menggalakkan, menyokong dan melaksanakan langkah-langkah dan rancangan-rancangan yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan pemahaman tentang sebab dan akibat jenayah-jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dilakukan di atas nama kehormatan, termasuklah peruntukan untuk melatih pihak yang bertanggung-jawab untuk melaksanakan undang-undang, seperti pihak polis dan pihak perundangan, dan untuk menguatkan lagi kebolehan mereka untuk mengambil tindakan berikutan dengan aduan-aduan berlakunya jenayah-jenayah sebegitu, dengan cara yang tidak berpihak dan berkesan dan mengambil langkah-langkah yang perlu supaya ada perlindungan untuk pihak-pihak yang mungkin menjadi mangsa;

(h) Supaya terus menyokong kerja-kerja masyarakat madani, termasuklah pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, untuk

menghadapi isu-isu ini dan untuk menguatkan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan antara kerajaan dan bukan kerajaan;

(i) Supaya mengadakan, menguatkan atau menyenangkan, di mana boleh, khidmat-khidmat sokongan untuk menyahut keperluan mangsa-mangsa sebenarnya atau mereka yang mungkin menjadi mangsa kepada jenayah itu dengan, di antaranya, memberikan mereka perlindungan yang sesuai, tempat yang selamat, kaunseling, bantuan guaman, perkhidmatan-perkhidmatan kesihatan, termasuklah di bidang kesihatan-kesihatan seksuil dan kelamin, kesihatan jiwa dan lain-lain bidang yang sesuai, pemulihan dan pemasukan semula ke dalam masyarakat;

(j) Supaya menangani aduan-aduan jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dilakukan di atas nama kehormatan dengan berkesannya, termasuklah, dengan mengadakan, menguatkan atau memudahkan mekanisma-mekanisma institusi supaya mangsanya dan orang-orang lain boleh melapurkan jenayah-jenayah itu di dalam persekitaran yang selamat dan sulit;

(k) Supaya mengumpul dan menyebarkan maklumat perangkaan tentang kejadian-kejadian jenayah sebegini, termasuklah maklumat yang dipisahkan dari segi jantina dan umur, dan membolehkan supaya maklumat-maklumat itu terbuka kepada pihak Sekretariat untuk digunakan di dalam laporan mendalam tentang keganasan terhadap wanita, sesuai dengan resolusi 58/185, dan untuk laporan mendalam tentang keganasan terhadap kanak-kanak, sesuai dengan resolusi 57/190;

(l) Supaya memasukkan, di mana sesuai, ke dalam laporan mereka kepada badan-badan perjanjian hak asasi manusia, maklumat tentang langkah undang-undang dan dasar yang digunakan dan dilaksanakan dalam usaha untuk mengelakkan dan menghapuskan jenayah-jenayah terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dilakukan di atas nama kehormatan;

4. *Menjemput:*

(a) Masyarakat antarabangsa, termasuklah badan-badan Bangsa-Bangsa Bersatu yang berkenaan, dana-dana, rancangan-rancangan, di antaranya, menerusi rancangan-rancangan bantuan teknikal dan perkhidmatan-perkhidmatan penasihat, supaya membantu usaha semua negara, bila diminta, untuk menguatkan kebolehan institusi untuk mengelakkan daripada berlakunya keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan yang dilakukan di atas nama kehormatan dan untuk menghadapi akar-umbi jenayah-jenayah itu;

(b) Badan-badan perjanjian hak-hak asasi manusia yang berkenaan, di mana sesuai, dan Rapporteur Khas tentang sebab-sebab dan kesan-kesan keganasan terhadap wanita supaya terus menghadapi isu ini;

5. *Meminta* supaya Setiausaha Agung melapurkan tentang pelaksanaan resolusi yang ada sekarang di dalam laporannya tentang soal keganasan terhadap wanita kepada Persidangan Agung pada sesi ke-enam puluhnya.

